



JABATAN MUFTI NEGERI KEDAH
IRSYAD AL-FATWA

(SIRI 5/2021) GARIS PANDUAN SOLAT JENAZAH SECARA GHAIB.

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah Kali 1/2021 pada 9 Muharam 1443 bersamaan 18 Ogos 2021 telah meneliti persoalan mengenai **Garis Panduan Solat Jenazah Secara Ghaib**. Berikut adalah penjelasan mengenai perkara tersebut:-

1.0 LATAR BELAKANG

- 1.1 Pada masa kini, jenazah pesakit COVID-19 diurus sepenuhnya oleh petugas di hospital / Pejabat Kesihatan Daerah / premis yang dibenarkan oleh pihak Kerajaan Malaysia mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- 1.2 Hanya petugas yang dibenarkan sahaja melaksanakan kewajipan solat jenazah ke atas pesakit COVID-19. Waris dan ahli keluarga si mati tidak dibenarkan untuk melaksanakannya kerana terikat dengan SOP yang ditetapkan.
- 1.3 Oleh itu, Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah menyediakan **Garis Panduan Solat Jenazah Secara Ghaib** untuk rujukan waris / jemaah yang berhasrat untuk turut serta melaksanakan tuntutan Fardhu Kifayah ini terutamanya melibatkan jenazah pesakit COVID-19.

2.0 SOLAT JENAZAH TERBAHAGI KEPADA DUA KATEGORI –

- 2.1 **Solat Jenazah Secara Hadir**; iaitu solat yang didirikan apabila jenazah serta orang yang mendirikan solat jenazah berada **di tempat yang**

sama seperti di dalam masjid dan seumpamanya atau jarak di antara jenazah dengan orang yang mendirikan solat jenazah **tidak melebihi 300 hasta** (bersamaan 150 meter) **sekalipun jenazah telah dikebumikan.**¹

2.2 Solat Jenazah Secara Ghaib; iaitu solat ke atas jenazah yang tidak berada di tempat yang sama (غير موجود) dalam jarak yang jauh melebihi dua marhalah, berada di luar kariah (dua kariah yang berbeza) atau dalam kariah yang sama tetapi jaraknya melebihi 300 hasta (150 meter) dari tapak perkuburan jenazah tersebut.²

3.0 HUKUM MELAKSANAKAN SOLAT JENAZAH –

Ulama bersepakat bahawa hukum mengerjakan solat jenazah adalah **Fardhu Kifayah**. Sekiranya dilaksanakan oleh sebahagian orang Islam, maka gugur kewajiban tersebut ke atas umat Islam yang lain.³

4.0 TUNTUTAN DAN KELEBIHAN MELAKSANAKAN SOLAT JENAZAH –

4.1 Pensyariatan solat jenazah adalah untuk mendoakan kesejahteraan kepada si mati berdasarkan hadis Nabi ﷺ;

حديث عائشة ١ قالت: قال رسول الله ﷺ: مَا مِنْ مَيِّتٍ يُصَلِّي عَلَيْهِ أُمَّةٌ مِنَ الْمُسْلِمِينَ يَبْلُغُونَ مِنْهُ كُلَّهُمْ يَشْفَعُونَ لَهُ إِلَّا شَفَعُوا فِيهِ.⁴

Maksudnya: "Daripada Saidatina Aishah ١ bahawa Rasulullah ﷺ bersabda: "Tiada seorang jenazahpun yang disembahyangkan oleh segolongan umat daripada kaum Muslimin yang berjumlah satu ratus orang semuanya yang memohon syafaat iaitu pertolongan supaya diampun dosa jenazah itu melainkan Allah ﷻ akan menerima permohonan syafaat mereka kepadanya."

4.2 Selain itu, Allah ﷻ akan mengurniakan ganjaran pahala kepada orang yang mendirikan solat jenazah berdasarkan hadis Nabi ﷺ;

¹ الإمام الفقيه شهاب الدين أحمد بن محمد بن علي بن حجر الهيتمي الشافعي، تحفة المحتاج بشرح المنهاج، المجلد الرابع، دار الكتب العلمية، بيروت ص: 107

² المقصود ب صلاة الغائب هي صلاة الجنائز التي تصلى على من مات ببلد آخر. وقال ابن قدامة رحمه الله في "المغني" (195/2): "وتجوز الصلاة على الغائب في بلد آخر بالنية فيستقبل القبلة، ويصلى عليه كصلاته على حاضر، وسواء كان الميت في جهة القبلة أو لم يكن، وسواء كان بين البلدين مسافة القصر أو لم يكن. وبهذا قال الشافعي".
³ علي بن إبراهيم ابن العطار (2006)، العدة في شرح العمدة في أحاديث الأحكام (الطبعة الأولى)، بيروت - لبنان: دار البشائر الإسلامية للطباعة والنشر والتوزيع، جزء 2، صفحة 763.

⁴ أخرجه مسلم، كتاب الجنائز، باب من صلى عليه مائة شفعا فيه، رقم (947).

- عن أبي هريرة η أن النبي ﷺ قال: مَنْ اتَّبَعَ جَنَازَةَ مُسْلِمٍ، إِيْمَانًا وَاحْتِسَابًا، وَكَانَ مَعَهُ حَتَّى يُصَلِّيَ عَلَيْهَا وَيُفْرِعَ مِنْ دَفْنِهَا، فَإِنَّهُ يَرْجِعُ مِنَ الْأَجْرِ بِقَيْرَاطَيْنِ، كُلُّ قَيْرَاطٍ مِثْلُ أُحُدٍ، وَمَنْ صَلَّى عَلَيْهَا ثُمَّ رَجَعَ قَبْلَ أَنْ تُدْفَنَ، فَإِنَّهُ يَرْجِعُ بِقَيْرَاطٍ.⁵

Maksudnya: *Diriwayatkan daripada Abu Hurairah η , bahwa Rasulullah ﷺ telah bersabda: "Barang siapa mengiringi jenazah orang Islam kerana keimanan dan mengharapkan keredhaan Allah χ dan dia sentiasa bersama jenazah tersebut sehingga disembahyangkan dan selesai pengkebumian, maka dia pulang dengan membawa ganjaran pahala dua qirath. Setiap qirath umpama sebuah Gunung Uhud. Dan sesiapa yang mendirikan solat (jenazah) sahaja dan pulang sebelum dikebumikan, maka dia pulang dengan membawa ganjaran pahala satu qirath".*

- عن ثوبان مولى رسول الله ﷺ قال رسول الله ﷺ : مَنْ صَلَّى عَلَى جَنَازَةٍ فَلَهُ قَيْرَاطٌ، فَإِنْ شَهِدَ دَفْنَهَا فَلَهُ قَيْرَاطَانِ، الْقَيْرَاطُ مِثْلُ أُحُدٍ.⁶

Maksudnya: *Daripada Thauban (hamba kepada Rasulullah ﷺ), bahwa Rasulullah ﷺ bersabda; "Sesiapa yang mendirikan solat jenazah dan tidak ikut serta mengiringi jenazahnya, maka baginya ganjaran pahala satu qirath. Jika dia mengikuti jenazah sehingga dikebumikan, maka baginya ganjaran pahala dua qirath." Lantas ada yang bertanya: "Apakah yang dimaksudkan dengan dua qirath?" Nabi ﷺ menjawab: "Ukuran paling kecil daripada dua qirath adalah seumpama sebuah Gunung Uhud."*

4.3 Berdasarkan hadis-hadis di atas, bagi mereka yang mendirikan solat jenazah maka Allah χ mengurniakan kelebihan yang amat besar iaitu keampunan ke atas jenazah yang didoakan oleh ahli keluarga dan orang Islam yang mendirikan solat jenazah ke atasnya. Di samping itu, Allah χ juga mengganjarkan pahala yang berlipat ganda ke atas mereka yang melaksanakan solat jenazah umpama sebuah Gunung Uhud. Sekiranya mereka juga turut mengiringi jenazah itu sehingga ke tanah perkuburan, Allah χ mengurniakan ganjaran pahala seumpama

⁵ رواه البخاري، في صحيح البخاري، عن أبي هريرة، الصفحة أو الرقم: 47، صحيح; سعيد بن علي بن وهف القحطاني (2010)، صلاة المؤمن - مفهوم، وفضائل، وآداب، وأنواع، وأحكام، وكيفية في ضوء الكتاب والسنة (الطبعة الرابعة)، القصب: مركز الدعوة والإرشاد، جزء 3، ص 1245.

⁶ رواه مسلم، في صحيح مسلم، عن ثوبان مولى رسول الله ﷺ ، الصفحة أو الرقم: 946، صحيح.

dua buah Gunung Uhud. Oleh itu, kesempatan ini seharusnya dimanfaatkan terutamanya waris dan ahli keluarga si mati.

5.0 CARA MENDIRIKAN SOLAT JENAZAH SECARA GHAIB (KEADAAN SEPERTI SOLAT JENAZAH SECARA HADIR–

5.1 Takbir Pertama:

- i. Takbiratul ihram diiringi **niat Solat Jenazah Secara Ghaib**.

Contoh **lafaz niat** adalah seperti berikut:

- **Jenazah lelaki;**

أَصَلِّي عَلَى مَيِّتِ فُلَانِ بْنِ فُلَانِ الْعَائِبِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرْضَ الْكِفَايَةِ إِمَامًا/ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى.⁷

Maksudnya; “Sahaja aku sembahyang ke atas mayat lelaki (nama) yang ghaib dengan empat kali takbir fardhu kifayah menjadi imam@ makmum kerana Allah Taala.”

- **Jenazah perempuan;**

أَصَلِّي عَلَى مَيِّتَةِ فُلَانَةَ بِنْتِ فُلَانِ الْعَائِبَةِ أَرْبَعَ تَكْبِيرَاتٍ فَرْضَ الْكِفَايَةِ إِمَامًا/ مَأْمُومًا لِلَّهِ تَعَالَى.

Maksudnya; “Sahaja aku sembahyang ke atas mayat perempuan (nama.....) yang ghaib dengan empat kali takbir fardhu kifayah menjadi imam@ makmum kerana Allah Taala.”

- ii. Membaca surah al-Fatihah dalam keadaan kedudukan tangan sebagaimana dalam solat biasa dan tidak disunatkan membaca doa *iftitah*. Hanya disunatkan membaca *al-Isti'azah* (أعوذ بالله من الشيطان الرجيم) sahaja sebelum membaca surah al-Fatihah.

5.2 Takbir Kedua:

Membaca selawat ke atas Nabi ﷺ iaitu **Selawat Ibrahimiyah** (seperti dalam tahiyat akhir).

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ.

⁷ حاشية البجيرمي على الخطيب، المجلد 6، الطبعة دار الحديث: 119. (ويجب عليه نية الفرضية كما صرح به النووي في شرح المهذب وهو المعتمد.

Maksudnya: *Ya Allah, limpahkanlah rahmat, pujian dan keagungan-Mu ke atas Nabi Muhammad dan ahli keluarga Baginda, sebagaimana Engkau limpahkan rahmat, pujian dan keagungan-Mu ke atas Nabi Ibrahim dan ahli keluarga Baginda. Limpahkanlah barakah ke atas Nabi Muhammad dan ahli keluarga Baginda, sebagaimana Engkau telah limpahkan barakah ke atas Nabi Ibrahim dan ahli keluarga Baginda. Di alam semesta ini, Engkau sahajalah Ya Allah Yang Maha Terpuji lagi Maha Mulia.*

5.3 Takbir Ketiga:

Membaca doa ke atas jenazah ghaib iaitu;

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لَهُ (لَهَا) * وَارْحَمْهُ (هَا)، وَعَافِهِ (هَا) وَاعْفُ عَنْهُ (هَا)، وَأَكْرِمْ نُزُلَهُ (هَا)، وَوَسِّعْ مَدْخَلَهُ (هَا)، وَاعْسِلْهُ (هَا) بِالْمَاءِ وَالتَّلْجِ وَالْبَرَدِ، وَنَقِّهِ (هَا) مِنَ الْخَطَايَا كَمَا يُنْقَى الثُّوبُ الْأَبْيَضُ مِنَ الدَّنَسِ، وَأَبْدِلْهُ (هَا) دَارًا حَيْرًا مِنْ دَارِهِ (هَا)، وَأَهْلًا حَيْرًا مِنْ أَهْلِهِ (هَا)، وَرَوْجًا حَيْرًا مِنْ رَوْجِهِ (هَا) وَأَدْخِلْهُ (هَا) الْجَنَّةَ، وَأَعِدْهُ (هَا) مِنْ عَذَابِ الْقَبْرِ وَفِتْنَتِهِ (هَا)، وَمِنْ عَذَابِ النَّارِ.

* (هَا) Dibaca untuk jenazah perempuan.

Maksudnya: *“Ya Allah, ampunilah dosanya, rahmatilah, selamatkan, maafkanlah, muliakan tempat persinggahannya, luaskanlah kuburnya, siramilah dia dengan air, salji, dan embun, bersihkan dia daripada segala kesalahan sebagaimana dibersihkan pakaian yang putih daripada kotoran. Gantikanlah kediamannya dengan kediaman yang lebih baik, keluarganya dengan keluarga yang lebih baik, isteri / suaminya dengan isteri / suami yang lebih baik. Masukkanlah dia ke dalam syurga dan lindungilah dia daripada azab kubur dan fitnahnya dan azab neraka.”*

5.4 Takbir Keempat:

Membaca doa untuk diri orang yang mendirikan solat jenazah dan ke atas jenazah iaitu;

اللَّهُمَّ لَا تَحْرِمْنَا أَجْرَهُ (هَا) وَلَا تَفْتِنْنَا بَعْدَهُ (هَا) وَاعْفُزْنَا وَلَهُ (لَهَا) وَإِلْخَوَانِنَا الَّذِينَ سَبَقُونَا بِالْإِيمَانِ وَلَا تَجْعَلْ فِي قُلُوبِنَا غِلًّا لِلَّذِينَ آمَنُوا رَبَّنَا إِنَّكَ رَءُوفٌ رَحِيمٌ.

* (هَا) Dibaca untuk jenazah perempuan.

Maksudnya: *“Ya Allah, janganlah Engkau meluputkan kami akan pahalanya, dan janganlah Engkau memberi kami fitnah sepeninggalannya dan ampunilah kami dan dia serta saudara se-Islam kami dan orang-orang yang beriman sebelum kami dan*

janganlah Engkau membiarkan kedengkian di dalam hati-hati kami terhadap orang-orang yang beriman, sesungguhnya Engkaulah Tuhan yang Maha Penyantun lagi Maha Mengasihani.”

5.5 Terakhir, memberi salam ke sebelah kanan dan kemudiannya ke sebelah kiri.

6.0 PENUTUP

Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah mengharapkan **Garis Panduan Solat Jenazah Secara Ghaib** ini dapat memberi ruang dan peluang kepada para waris dan ahli keluarga si mati **yang terlibat dengan pandemik COVID-19 dan terhalang untuk melaksanakan solat jenazah secara hadir agar dapat mendirikannya secara ghaib**. Mudah-mudahan, keberkatan solat jenazah yang diiringi doa dan keampunan dapat memberi kesejahteraan dan kerahmatan ke atas roh jenazah agar ditempatkan dalam kalangan para solihin.

TARIKH KEPUTUSAN : 24 MAC 2021